



LENSA [] BANDAR RAYA JB

LENSA MBBJ BIL. 4/2023 | 16 Oktober 2023 - 15 Januari 2024

SAMBUTAN ULANG TAHUN PERISYTIHARAN MBJB KE-30



www.mbjb.gov.my

facebook.com/mbjbrasmi



Imbas Kod QR
Penerbitan Rasmi MBBJ

Memperkuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya Dan Lestari

SIDANG PENGARANG



PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman,
Datuk Bandar Johor Bahru

KETUA PENGARANG

Encik Harulisam bin Ismail

PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus,
Setiausaha

PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad,
Timbalan Setiausaha

PENGARANG/KOLUMNIS

Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf
Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Nabila binti Amran

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

© HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

INTISARI BULETIN LENSA JB

- 3** - Penyampaian Sumbangan Beras Kurniaan Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ)
- Program Publisiti Awal & Sesi 'Focus Group Discussion' Rancangan Tempatan MBBJ 2035 (Penggantian)
- Program Penanaman 181,000 Pokok Sehari Negeri Johor
- 4** - Mesyuarat Penuh MBBJ Bil.10/2023 & Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Harta MBBJ Tahun 2022
- Program Pendidikan Kelestarian LA21 MBBJ
- 5** - MBBJ Terima Penarafan Bandar Pintar
- MBBJ Memenangi Tempat Kedua di ArcGIS Competition: ArcGIS Dashboards Sempena GIS Day 2023
- MBBJ Terima Anugerah 'MIP MyPlace Awards 2023'
- 6** - MBBJ Kumpul Dana Tabung Kemanusiaan Palestin
- Sambutan Hari Integriti Peringkat MBBJ Tahun 2023
- 7** - Program Menanam Pokok Sempena Konvoi Tahun Melawat Melaka 2024
- Pelancaran 'Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC)
- 8** Info Lawatan
- 10** Kilas Lensa
- 11** Johor Bahru Tuan Rumah Acara Berprestij APCW 2023
- 14** Sambutan 30 Tahun Perisytiharan MBBJ
- 15** - Program Amanat Datuk Bandar Johor Bahru Sempena Perhimpunan Awal Tahun Jabatan Penguatkuasaan MBBJ
- 'Johor Bahru Car Free Morning' Buka Tirai Baharu 2024
- 16** Ops Skwad Kilat MBBJ
- 17** Pencapaian Ahli Persatuan Pegawai P&P MBBJ (Excel MBBJ)
- 18** Program Zon Ahli Majlis & LA21
- 19** MBBJ Sana Sini



Program Penanaman 181,000 Pokok Sehari Negeri Johor

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Program Penanaman 181,000 Pokok di Taman Merdeka Johor Bahru pada 21 Oktober 2023. Program ini telah diadakan secara serentak di seluruh Negeri Johor bersempena Hari Alam Sekitar Negara bermula jam 7.00 pagi - 2.00 petang.

Program ini turut melibatkan jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta, institut pengajian tinggi, sekolah, persatuan atau badan bukan kerajaan serta rakyat negeri Johor. Selain di Taman Merdeka, MBBJ turut telah menanam 3,000 pokok di Laman Tasik Pandan, Taman Setia Indah, Padang Bola Sepak Taman Desa Harmoni dan Taman Pelangi Indah.



Program Publisiti Awal & Sesi 'Focus Group Discussion' Rancangan Tempatan MBBJ 2035 (Penggantian)

Pada 23 Oktober 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) melalui Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia@Johor) dalam penyediaan RTMBJB 2035 (PENGANTIAN) bagi menggantikan Rancangan Tempatan sedia ada yang akan tamat tempoh perancangan pada tahun 2025.

Satu program publisiti awal dan sesi focus group discussion (FGD) telah diadakan untuk membuat hebahkan kepada pihak berkepentingan berkaitan cadangan penyediaan RT dan mendapatkan maklum balas awal berhubung isu semasa dan cadangan awal bagi memantapkan asas rujukan.

PENYAMPAIAN SUMBANGAN BERAS KURNIAAN YAYASAN SULTAN IBRAHIM JOHOR (YSIJ)

Pada 24 Oktober 2023, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama barisan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menyempurnakan penyampaian sumbangan paket beras percuma kurniaan Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ) kepada beberapa penerima di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Mereka merupakan antara penerima kurniaan lanjutan dari Majlis Pengurniaan Sumbangan Beras sebanyak 10,000 paket beras kepada rakyat negeri Johor oleh DYMM Sultan Johor menerusi YSIJ yang berlangsung di Istana Polo, Pasir Pelangi, Johor Bahru pada 16 Oktober 2023 lalu. Menjunjung Kasih di atas kemurahan hati dan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar bagi meringankan bebanan golongan yang memerlukan.





MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA MBBJ TAHUN 2022

Mesyuarat Penuh MBBJ Bil. 10/2023 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru telah berlangsung pada 30 Oktober 2023 lalu.

Dalam ucapan beliau, YB Datuk Bandar turut mengingatkan berkaitan kepentingan mematuhi syarat-syarat pelesenan terutamanya kepada perniagaan restoran dan pusat cuci kenderaan susulan peningkatan aduan berkaitan kekotoran, kerosakan, pemasangan perangkap minyak dan lain-

lain lagi aduan berkaitan kebersihan. Kegagalan mematuhi syarat lesen ini akan membolehkan tindakan pembatalan lesen diambil.

Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Harta MBBJ Tahun 2022 telah diadakan selepas sesi mesyuarat penuh tersebut. Sejumlah RM 200,000.00 telah diperuntukkan oleh MBBJ untuk program kali ini. Hadiah utama yang ditawarkan adalah sebuah kenderaan Perodua Myvi dan wang tunai berjumlah RM 20,000.00 serta pelbagai hadiah lain yang menarik untuk para pemenang.

PROGRAM PENDIDIKAN KELESTARIAN LA21 MBBJ



Pada 29 November 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBBJ) telah melaksanakan taklimat kepada lebih 400 warga pendidik yang terdiri daripada Pengetua, Guru Besar, Guru Penyelaras Pendidikan Kelestarian dan wakil PIBG sekolah berkenaan Program Pendidikan Kelestarian di kawasan MBBJ.

Wakil dari 116 sekolah rendah dan sekolah menengah di dalam kawasan MBBJ telah hadir mendengar taklimat program Pertandingan Pendidikan Kelestarian LA21 ini. Melalui program yang dilaksanakan oleh pihak MBBJ bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini, pelbagai kategori pertandingan diadakan seperti Program Pertandingan Kitar Semula Minyak Masak Terpakai (Kategori Khas), Program Pertandingan Kitar Semula Bahan Terpakai (Kategori Khas), Program Kerjasama penggunaan sisa kompos yang dihasilkan yang boleh digunakan kebun sekolah, Program Pertandingan Penjimatan Air (Kategori Khas), Program

Pertandingan Penjimatan Elektrik (Kategori Khas), Program Pertandingan Guru Lestari, Program Pertandingan Sekolah Showcase Program Kelestarian Pendidikan, Program Sekolah Transisi Program Kelestarian Pendidikan dan Program Sekolah Baru Program Kelestarian Pendidikan.

Pertandingan ini terbuka kepada sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan MBBJ dengan tawaran hadiah terkumpul sebanyak RM 501,000.00 untuk dimenangi.



MBJB Terima Penarafan Bandar Pintar

Pada 9 November 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima Anugerah 'Smart City Early Adopter' sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Penarafan Bandar Pintar Malaysia dilaksanakan bertujuan mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah mencapai status Bandar Pintar berdasarkan tahap pencapaian pelaksanaan Bandar Pintar di kawasan PBT.

Faedah pelaksanaan Penarafan Bandar Pintar ini termasuklah bagi menarik pelaburan dari dalam dan luar negara, meningkatkan kemampanan, menjimatkan kos pengurusan bandar, menyelesaikan isu-isu perbandaran dan menggalakkan pengurusan bandar yang cekap melalui pengaplikasian teknologi. Penarafan Bandar Pintar Malaysia menggunakan pengukuran berdasarkan indikator MS ISO 37122:2019 sebagai kriteria penilaian utama.

MBJB Memenangi Tempat Kedua di ArcGIS Competition: ArcGIS Dashboards Sempena GIS Day 2023

Pada 22 November 2023, Bahagian Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Jabatan Kesihatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menyertai pertandingan ArcGIS Competition: ArcGIS Dashboards yang dianjurkan oleh Esri Malaysia.

'Dashboard' bertajuk Kes Denggi MBBJ telah dipilih sebagai pemenang pertandingan ini bersama Jabatan Perangkaan Malaysia.

'Dashboard' Kes Denggi MBBJ kini telah diterbitkan di Galeri Data Terbuka, Portal GeoJB. 'Dashboard' ini menunjukkan kes denggi dan ciri-ciri setiap kes dan kawasan tumpuan untuk memberi kesedaran kepada orang awam dan agensi kerajaan tentang kes denggi yang berlaku di kawasan MBBJ.

Dashboard Kes Denggi MBBJ kini boleh diakses oleh orang awam melalui url berikut :

<https://geojb.gov.my/gisportal/apps/dashboards/a0d1cbc67ade4b23954a614f8107108e>



MBJB Terima Anugerah 'MIP MyPlace Awards 2023'

Pada 1 Disember 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diiktiraf sebagai 'Emerald Winner' Anugerah MyPlace Awards 2023 anjuran Malaysia Institute of Planners (MIP) di Petaling Jaya. Anugerah ini adalah dalam kategori 'Outdoor Space' bagi Projek Rejuvenasi Sungai Segget yang telah dilaksanakan oleh MBBJ dengan kerjasama pihak Iskandar Malaysia.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan projek ini.

MBJB KUMPUL DANA TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN



Pada 16 November 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan program 'Bicara Dari Tembok Al-Aqsa' sejurus selepas Program Pembudayaan Al-Quran yang dilaksanakan pada setiap minggu di organisasi ini. MBJB turut mengundang Ketua Pegawai Eksekutif, Persatuan Cinta Gaza Malaysia, Encik Muhammad Nadir Al-Nuri bagi berkongsi situasi semasa di bumi Palestin dari sudut pandangannya.

Beliau turut menerima sumbangan dana terkumpul berjumlah RM 50,000.00 untuk disalurkan kepada penduduk Palestin yang telah disampaikan sendiri oleh Datuk Bandar Johor Bahru, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman. Sumbangan tersebut akan digunakan untuk membeli makanan, minuman, ubat-ubatan, air bersih dan keperluan keselamatan.

Dana tersebut terkumpul hasil daripada sumbangan warga kerja MBBB, orang awam dan pelbagai pihak, sejak tabung dana tersebut dilancarkan secara rasmi pada 2 November 2023 lalu.

SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT MBBB TAHUN 2023



Sambutan Hari Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diadakan pada 19 November 2023 di Dewan Kenanga, Menara MBBB. Dalam ucapan perasmian beliau, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, telah menekankan pembinaan karakter 'character building' kepada warga kerja MBBB yang bertunjangan nilai integriti dan sahsiah berakhlak mulia, selain menjauhi perbuatan rasuah dan salah guna kuasa dalam pekerjaan seharian.

Warga kerja MBBB turut mendengar perkongsian cerita dan pengalaman yang disampaikan oleh Encik Md Shahrizal Che Dan yang bertajuk 'Guarantee Money: Pengkisahan Dari Tirai Besi'.

Pada 10 Disember 2023, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru bersama ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBBJ telah menyambut Konvoi Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024 di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru.

Konvoi TMM 2024 ini telah diketuai oleh YBhg. Datuk Rahmad bin Mariman, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka bersama-sama YBhg. Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, Timbalan Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka dan YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, merangkap Presiden MALA serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Melaka.

Konvoi TMM 2024 turut hadir ke Program Menanam Pokok Melaka sebagai tanda persahabatan atau 'friendship tree', menyampaikan bahan-bahan promosi sempena TMM 2024 serta menyampaikan surat jemputan Pesta Gendang Nusantara 2024 yang akan diadakan pada Januari 2024 kepada semua PBT di Johor.

PROGRAM MENANAM POKOK SEMPENA KONVOI TAHUN MELAWAT MELAKA 2024



PELANCARAN 'JOHOR BAHRU INTEGRATED OPERATIONS CONTROL CENTRE' (JBIOCC)

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melancarkan Johor Bahru Integrated Operations Control Centre (JBIOCC) atau Pusat Kawalan Operasi Bersepadu Johor Bahru di Menara MBBJ pada 31 Disember 2023.

Pelancaran medium ini bertujuan sebagai langkah berterusan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan dan pemantauan di bandar raya

Johor Bahru, di samping mengurangkan impak dan kesan daripada bencana seperti kerosakan harta benda awam dan keselamatan orang awam. JBIOCC turut membantu mengenalpasti kekurangan yang ada di lapangan seperti kerosakan infrastruktur; membantu kerja penguatkuasaan seperti kesalahan meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan, vandalisme dan pembuangan sisa pepejal secara haram.

Kerja-kerja pembangunan JBIOCC telah bermula pada akhir bulan September 2023 dan siap pada akhir Disember ini. Sebanyak 108 kamera litar tertutup (CCTV) berkeupayaan 15 ciri kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) serta Pusat Operasi Bersepadu Pintar (SIOC) telah disiapkan bagi peringkat Fasa 1. Selain itu, sebanyak 500 buah CCTV akan ditambah bagi tujuan pemantauan, 5 buah VMS dan 10 'panic button' dijangka siap dipasang di sekitar bandar raya Johor Bahru dan beroperasi sepenuhnya pada April 2024.





LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

19 November 2023: Lawatan penanda aras ini bertujuan bagi mempelajari Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dijalankan di MJB.



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KLUANG, MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM & PEJABAT DAERAH KLUANG

25 Oktober 2023: Lawatan bertujuan melihat Program Johor Bersih.



LAWATAN KPKT KE MENARA MJB

25 Oktober 2023: Lawatan penanda aras ini bertujuan bagi mempelajari Program Pendidikan dan Pemerkasaan Komuniti Strata Tahun 2023.



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

21 November 2023: Lawatan mempelajari Kaedah Pemantapan dan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata yang dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Orked, Tmn. Desa Cemerlang.

INFO LAWATAN

LAWATAN PESERTA BENGKEL MODEL HAB KOMUNITI MASYARAKAT RENDAH KARBON & PEMBANGUNAN KAPASITI RANGKAIAN NEGARA ASEAN

14 November 2023: Lawatan ini bertujuan mendapat perkongsian pengalaman dan amalan terbaik berkaitan bangunan hijau di Menara MJB.



KUNJUNGAN DELEGASI MAJLIS DAERAH LUNDU, SARAWAK

4 Disember 2023: Delegasi Majlis Daerah Lundu seramai 30 orang yang diketuai oleh Yang Berbahagia Encik Gustian bin Durani, Pengerusi Majlis Daerah Lundu, hadir bagi tujuan perkongsian pengetahuan berkenaan Zon Komuniti Ahli Majlis MJB, melihat pembangunan terkini dan lokasi pelancongan di kawasan pentadbiran MJB sebagai penandaarasan untuk Lundu, Sarawak.



LAWATAN DARI PERBADANAN PULAU PINANG

19 Disember 2023: Lawatan penanda aras bagi mempelajari konsep, reka bentuk, teknologi, ciri-ciri 'sustainability' bangunan, GBI dan lain-lain yang berkaitan.



LAWATAN DARI PLANMALAYSIA

11 Januari 2024: Lawatan ini mempelajari prosedur dan dokumentasi dari peringkat kebenaran merancang sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) yang dilakukan oleh Pusat Unit Setempat MJB.



KUNJUNGAN MAJLIS PERBANDARAN TAWAU, SABAH

11 Disember 2023: Lawatan penanda aras ini bertujuan mempelajari sistem terkini MJB sebagai bandar raya hijau dan rendah karbon serta pengurusan aduan awam.



LAWATAN DARI PEJABAT KESIHATAN KULAI KE CSTP, SUNGAI SEGGET

8 Januari 2024: Lawatan penanda aras bagi meninjau proses merawat sisa kumbahan di pusat bandar Johor Bahru dan kawasan sekitarnya.



LAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN KE MJB

14 Disember 2023: Lawatan penanda aras bagi mendapatkan perkongsian ilmu daripada Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Johor Bahru.



PENGUATKUASAAN LARANGAN PEMBUANGAN SAMPAH KECIL DI TEMPAT AWAM

Pada 22 Oktober 2023, penguatkuasaan larangan pembuangan sampah kecil di tempat awam dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor sebagai budaya melestarikan alam sekitar.



PROGRAM 'FIT & ACTIVE FAMILY' & 'BUTTERFLY WALK'

Pada 18 November 2023, telah diadakan program 'Fit & Active Family' Peringkat Negeri Johor dan 'Butterfly Walk' 2023 anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan, MBBJ, Johor Women's League (Jewel) dan Iskandar Malaysia di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru.



MISI BANTUAN PASCA BANJIR KE KOTA TINGGI

Pada 12 Januari 2024, pasukan misi bantuan pasca banjir telah digerakkan bermula jam 8.00 malam hingga 12.00 malam oleh Southern Volunteers MBBJ.



JUALAN LELONG SISA KENDERAAN BURUK SITAAN MBBJ

Jualan Lelong Sisa (Kenderaan Buruk Sitaan MBBJ) Bil. 1/2024 telah diadakan pada 14 Januari 2024 di Panggung Cempaka, Menara MBBJ.

LOT A11		
Jenis Kenderaan	No Pendaftaran	No
PROTON	TRIGA	JKM243
PERODUA	PERLI	JCH113
MAZDA	PERLI	MBR918
PROTON	PERLI	PROE18
PROTON	PERLI	MAAC198
PROTON	SARAWA	JCT0763
PROTON	SAGA	JEBR755
PERODUA	KAWAJ	BRK326
MAZDA	PERLI	JT1588
PROTON	GADSA	MCAG50
PERODUA	PERLI	MAK242
MAZDA	PERLI	JMB915
PROTON	SARAWA	JCK754
MAZDA	PERLI	JCL080

KILAS LENSAS



MBBJ TERUS LESTARI KEBERSIHAN BANDAR RAYA


Pada 6 Januari 2024, telah diadakan aktiviti gotong-royong Johor Bersih di Pantai Lido yang dilaksanakan di sekitar JB Waterfront Lot 1 hingga ke jejantas Hospital Sultanah Aminah. Seramai lebih 1,000 peserta dari agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah menjayakan program ini dengan kutipan sampah seberat 2,950 kg.

JOHOR BAHRU TUAN RUMAH ACARA BERPRESTIJ APCW 2023

Buat julung kalinya, Johor Bahru telah mencipta sejarah apabila menjadi tuan rumah acara berprestij, Persidangan Minggu Iklim Asia Pasifik (APCW) 2023 yang diadakan di negeri Johor, Malaysia pada 13 hingga 17 November 2023.

Persidangan bertaraf antarabangsa yang menghimpunkan ribuan peserta mewakili ketua-ketua kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan ini diadakan sebagai 'platform' bagi pemegang taruh untuk bertemu, berkongsi pengalaman dan amalan terbaik bersama untuk mencapai objektif utama penganjuran APCW kali ini.

Antara agenda yang menjadi fokus APCW 2023 antaranya berkaitan sistem tenaga dan industri, bandar, penempatan bandar dan luar bandar, infrastruktur dan pengangkutan, darat, lautan, makanan dan air serta masyarakat, kesihatan, kehidupan dan ekonomi.





ASIA PACIFIC CLIMATE WEEK

NOV2023 | JOHOR BAHRU



PERKHIDMATAN MENGEKAS KENDERAAN ELEKTRIK DI MENARA MBBB

13 November 2023 - Sebagai usaha menyahut seruan bandar lestari, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menyediakan alat pengecas kenderaan elektrik di Menara MBBB sempena APCW 2023. Warga bandar raya Johor Bahru boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan ini semasa berkunjung ke Menara MBBB bagi menyokong hasrat menjayakan agenda hijau dan kelestarian di bandar raya ini.



JB CAR FREE MORNING & APCW 2023 FUN RUN

11 November 2023 - Foto sekitar program 'JB Car Free Morning & APCW Fun Run 2023' sempena penganjuran Asia Pacific Climate Week 2023 di Johor Bahru. Sekalung penghargaan kepada pihak OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan Uni Mitsubishi Pencil Malaysia (Uni-ball) selaku rakan strategik utama JB Car Free Morning.



**ESKPLORASI JB LESTARI
EDISI KELAB MEDIA JOHOR**

Pada 6 November 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dan SWM Environment buat julung kalinya menganjurkan Program Eksplorasi JB Lestari sebagai acara pembuka tirai bagi dua program antarabangsa yang berlangsung di Johor Bahru iaitu Asia Pacific Climate Week dan Program Kapasiti Pembangunan Hab Rendah Karbon Negara ASEAN. Seramai 40 pengamal media dari Kelab Media Johor (KMJ) telah dipilih sebagai kumpulan peserta rintis bagi edisi pertama pada tahun ini.



WELCOMING DINNER APCW 2023

12 November 2023 - Sekitar Majlis Makan Malam 'Asia Pacific Climate Week' (Welcoming Dinner) yang berlangsung di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.



SAMBUTAN 30 TAHUN PERISYTIHARAN MBBJ



MALAM PENGHAYATAN ISLAM

Pada 4 Januari 2024, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan program Malam Penghayatan Islam sempena sambutan ulang tahun perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke-30. Program kesyukuran tahunan ini telah diadakan di Masjid Kolam Ayer, Johor Bahru bermula jam 5.30 petang dan telah dihadiri oleh seramai 500 orang jempunan. Antara pengisian program ini adalah bacaan Yasin, Tahlil dan doa kesyukuran, solat Maghrib dan Isyak berjemaah serta sesi ceramah oleh penceramah jempunan, Al-Fadhil Ustadz Haji Taufik bin Haji Khamis, Mudir Madrasah Tahfiz Al-Quran Zawiayah Darul Madad.

MAJLIS PELANCARAN LOGO

Majlis Pelancaran Logo Sambutan 30 Tahun Perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru kali ke-30, Jubli Mutiara telah diadakan pada malam 31 Disember 2023 di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Bertemakan "Johor Bahru Berdaya Huni", makna di sebalik logo Sambutan 30 Tahun MBBJ yang berlatar belakangkan Dataran Bandaraya Johor Bahru ini ialah bangunan ini pernah menjadi mercu tanda Perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru daripada status 'perbandaran' ke status 'bandaraya' pada tahun 1994. Selain itu, latar belakang corak dan warna 'mutiara' di logo 30 tahun MBBJ ini juga adalah simbolik dengan sambutan 'Jubli Mutiara' MBBJ.

Hadir menyempurnakan pelancaran ialah YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Keusahawanan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor, diiringi oleh Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Pegawai Daerah Johor Bahru, Ketua Whip Ahli Majlis MBBJ, Setiausaha MBBJ, Timbalan Setiausaha MBBJ, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, serta pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan.





AMANAT DATUK BANDAR JOHOR BAHRU SEMPENA PERHIMPUNAN AWAL TAHUN JABATAN PENGUATKUASAAN MBBJ

Program Amanat Datuk Bandar Johor Bahru sempena Perhimpunan Awal Tahun Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diadakan pada 15 Januari 2024 di Panggung Cempaka, Menara MBBJ. Dalam ucapannya, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, telah menyampaikan kata-kata nasihat, peringatan berkaitan nilai integriti anggota, gerak kerja serta hala tuju Jabatan Penguatkuasaan MBBJ sepanjang tahun ini dan pada tahun akan datang.

Menurut Datuk Bandar, anggota penguatkuasa mempunyai peranan yang penting sebagai anggota beruniform, kehadiran penguatkuasa dalam kawasan bandar raya boleh mewujudkan rasa selamat dalam usaha mewujudkan 'Bandar Selamat'. Menurut beliau, penambahbaikan aset-aset kelengkapan Jabatan Penguatkuasaan MBBJ termasuklah motosikal 500cc; 15 unit motosikal elektrik untuk tujuan rondaan; selain pembangunan 'Johor Bahru Integrated Operations Control Centre' (JBIOCC) yang akan siap sepenuhnya pada Jun 2024 dan dilengkapi dengan 500 CCTV berteknologi kecerdasan buatan, 'Artificial Intelligence' (AI).

'JOHOR BAHRU CAR FREE MORNING' BUKA TIRAI BAHARU 2024

Johor Bahru, 8 Januari 2024 - Acara 'Johor Bahru Car Free Morning' (JBCFM) atau 'Pagi Tanpa Kereta Johor Bahru' yang kembali diadakan baru-baru ini pada hari Sabtu kedua setiap bulan di pusat bandar raya Johor Bahru, telah mendapat sokongan daripada pihak OCBC Bank (Malaysia) Berhad (OCBC Bank). OCBC Bank yang sudah

lama menyokong 'platform' ini akan menjadi penaja utama mulai Sabtu, 13 Januari 2024. Sebagai langkah pertama untuk menyokong acara JBCFM yang serba baharu, OCBC Bank akan menaja 100 basikal yang boleh digunakan oleh orang ramai secara percuma pada setiap sesi.





7 Dec 2023 11:46:59
388
Jalan Kolam Ayer
Taman Kolam Air
80100 Johor Bahru
Malaysia



Wednesday, December 6, 2023
Lot 258
Jalan Mohammad Amin
Kampung Mohd Amin
80200 Johor Bahru
Malaysia
#UNIT SKUAD KILAT MBBB



06/12/2023, 3:10 PM
Jalan Ayer Molek
Johor Bahru
MT8



Wednesday, 06 December 2023
Stulang Darat
Johor Bahru
Johor
#skuad kilat mbjb



Saturday, 09 December 2023
Jalan Kemuncak 12
Taman Nong Chik
Johor Bahru
Johor
#Unit Skuad Kilat MBBB

OPS SKUAD KILAT MBBB

Pada 6 - 9 Disember 2023, Skuad Kilat MBBB telah berada di sekitar bandar raya untuk membantu mengalih kenderaan yang terperangkap disebabkan banjir kilat dan menjalankan kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

PENCAPAIAN AHLI PERSATUAN PEGAWAI P&P MBBJ



Puan Nor Azah binti Nor Aziz (Pegawai Undang-Undang L48), merupakan seorang pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang sangat komited dan berdedikasi terhadap kerjayanya. Pengalaman selama 10 tahun di Majlis Bandaraya Johor Bahru dan 5 tahun di firma guaman swasta sebelum ini telah menjadikan beliau seorang yang sangat cemerlang dalam bidang Perundangan sama ada di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun Malaysia.

Ilmu pengetahuan dan pengalaman beliau yang sangat luas telah menjadikan beliau pakar rujuk dalam bidang perundangan dan seringkali dijemput sebagai penceramah oleh pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta bagi berkongsi idea dan pengalaman.

Selain komited terhadap kerjaya hakiki sebagai Pegawai Undang-Undang, beliau juga aktif dan memegang beberapa jawatan dan portfolio dalam persatuan dalaman dan luaran Majlis Bandaraya Johor Bahru, seperti:-

- Timbalan Pengerusi 2 Persatuan Pegawai P&P MBBJ (EXCEL MBBJ)
- Timbalan Pengerusi 2 Persatuan Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan Johor (JURIS)
- Ketua Biro Pembangunan Lestari, Perundangan & Kepenggunaan (PUSPANITA MBBJ)
- Ahli Jawatankuasa Persatuan Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia

Bermula April 2023, pihak pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Johor Bahru telah melantik beliau sebagai Pengarah Audit sekali gus mengetuai Unit Audit Dalam, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Hal ini merupakan satu cabaran baharu kepada beliau berdasarkan kepada merit prestasi yang sangat cemerlang dan kepercayaan pihak pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Johor Bahru, sejajar dengan perkembangan kerjaya dan ilmu pengetahuan beliau.

Kejayaan yang dikecapi oleh beliau diharap dapat menjadi sumber inspirasi kepada pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang lain terhadap komitmen kerjaya, dan tiada yang mustahil dalam mengejar impian dan kejayaan.

AKTIVITI CERAMAH TAHUN 2023

Kursus Pengurusan Kertas Siasatan

20 Ogos 2023, di Tanjung Piai Resort, Pontian

Persidangan Nasional Undang-Undang Kerajaan Tempatan 2023: Mengemudi Cabaran, Memampas Masa Hadapan

20 – 21 September 2023, di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur

Kursus Pengenalan Kepada Undang-Undang Kontrak Dan Asas Penyediaan Kertas Siasatan

31 Oktober 2023 – 1 November 2023, di Kinta River Front Hotel & Suites, Ipoh



PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21



25 November 2023: Festival Komuniti Kampung Melayu di Paragon Market, Johor Bahru

3 November 2023: Sambutan Maulidur Rasul Zon Tiram, Ulu Tiram



20 Oktober 2023: Sambutan Maulidur Rasul di Masjid Ar-Rayyan JP3, Zon Setia Austin



12 November 2023: Program Kempas Prihatin Zon Kempas di PPR Kempas Permai



5 November 2023: Penyerahan Bakul Makanan Sempena Sambutan Deepavali Zon Mount Austin



12 November 2023: Program Derma Darah Zon Johor Jaya, Taman Plentong Baru



2 Disember 2023: Pertandingan 'Run Bike' Zon Bandar Baru Uda



14 Januari 2024: Program 'Search & Destroy' Zon Kebun Teh di Dataran PPMKT, Taman Kebun Teh



PROGRAM SEMARAK SUBUH
Di Surau Al-Jauhar, Taman Johor, 12 Januari 2024



PROGRAM TAMAN DAYA BERSELAWAT
Di Masjid An-Najah, 24 November 2023



PERASMIAN RTS LINK JOHOR - SINGAPURA
Di Stulang Laut, 11 Januari 2024

**MBJB
SANA
SINI**



PERASMIAN HOTEL HYATT PLACE
Di Paradigm Mall Johor Bahru, 8 November 2023



**LAWATAN DATUK BANDAR KE PUSAT PEMINDAHAN
SEMENTARA MANGSA BANJIR**
Di Pandan, Taman Bunga Ros & Kampung Pasir Tebrau, 9 Januari 2024



PROGRAM CAKNA MBJB
Di Taman Sinar Harapan, 22 November 2023



KARNIVAL CALESTHENIC
@ TMIYC Johor Bahru, 21 - 22 Oktober 2023

DAH BAYAR CUKAI HARTA?

Jom bayar cukai harta demi menjana kemakmuran & memberi kesejahteraan bandar raya kita



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ
Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

WAKTU URUSAN

KAUNTER SETEMPAT / KAUNTER BAYARAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Kaunter Setempat Menara MBBJ (Aras 3)

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang
Waktu rehat : 1.00 tengah hari - 2.00 petang

Kaunter Setempat Cawangan Johor Jaya

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 9.00 pagi - 3.00 petang
07-357 3314

Kaunter Setempat Cawangan Permas Jaya

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 9.00 pagi - 1.00 tengah hari
07-386 1535

**Kaunter Pusat Transformasi Bandar
(UTC) Galleria @ Kotaraya**

Setiap hari : 8.00 pagi - 5.00 petang
07-221 4261

* Tertakluk kepada pindaan

Pejabat Datuk Bandar 07-228 2600
Pejabat Setiausaha 07-228 2626
Pejabat Timbalan Setiausaha 07-228 2510

Jabatan Pengurusan
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam 07-219 8055
Bahagian Undang-Undang 07-219 8256
Bahagian Audit Dalam 07-219 8268
Unit Integriti & Pembedanan Pentadbiran 07-219 8117
Bahagian Sistem Maklumat Geografi 07-219 8197
Unit Kerjasama Awam & Swasta 07-219 8234
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan 07-219 8273
Unit Pusat Setempat 07-219 8285

Jabatan Khidmat Pengurusan
Bahagian Teknologi Maklumat 07-219 8070
Bahagian Sumber Manusia 07-219 8184
Bahagian Pentadbiran 07-219 8170
Unit Dasar & Kualiti 07-219 8159
Unit Hal Ehwah Islam 07-219 8210
Unit Mesyuarat 07-219 8022

DIREKTORI TELEFON MBBJ

Jabatan Pelesenan Bahagian Pelesenan (Pentadbiran)	07-219 8295	Jabatan Kejuruteraan Bahagian Kejuruteraan (Pentadbiran)	07-219 8135
Jabatan Perbendaharaan Bahagian Hasil	07-219 8028	Jabatan Pengangkutan Bandar Pejabat Am (Pentadbiran)	07-221 5164
Bahagian Perbelanjaan	07-219 8091	Jabatan Pembangunan Masyarakat Pejabat Am (Pentadbiran)	07-219 8039
Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8042	Jabatan Kesihatan Pejabat Am (Pentadbiran)	07-228 2628
Jabatan Penilaian Bahagian Penilaian (Pentadbiran)	07-219 8231	Jabatan Penguatkuasaan Pejabat Am (Pentadbiran)	07-227 1054
Jabatan Pengurusan Harta Bahagian Pengurusan Harta (Pentadbiran)	07-219 8243	Jabatan Landskap Pejabat Am (Pentadbiran)	07-228 2636
Jabatan Perancangan Pembangunan Bahagian Perancang (Pentadbiran)	07-219 8246		
Jabatan Kawalan Bangunan Bahagian Kawalan Bangunan (Pentadbiran)	07-219 8202		

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum,
80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim

Talian Am 07-219 8000
Faksimili 07-223 0619
E-Mel info@mbjb.gov.my